



06 APR, 2024

Daging beku bernilai RM461,00 dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Daging beku bernilai RM461,00 dirampas

MELAKA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Melaka berjaya menumpaskan kegiatan penyeludupan sejumlah 23,080 kilogram daging beku melibatkan nilai termasuk duti cukai kira-kira RM461,600.

Pengarah Kastam Melaka, Nadzri Che Ani berkata, rampasan itu membabitkan satu treler membawa kotak berisi daging beku menggunakan kenderaan kargo biasa bagi mengaburi pihak kastam.

“Treler itu ditahan oleh sepasukan anggota Bahagian Penguatkuasaan JKDM Melaka pada 27 Februari lepas lebih kurang jam 4.30 petang di stesen minyak di daerah Kluang, Johor.

“Hasil pemeriksaan mendapati daging beku itu berasal dari Bolivia dan negara itu tidak disenaraikan sebagai negara pengeksporth daging beku ke Malaysia oleh Jabatan Veterinar,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, kotak berisi daging berkenaan tidak dibawa menggunakan kenderaan yang menawarkan perkhidmatan peti sejuk beku.

“Pemandu berusia 40-an itu gagal mengemukakan sebarang dokumen pengimportan, dia bersama barang kes dan treler itu ditahan untuk siasatan lanjut,” katanya. - *Bernama*



06 APR, 2024

Daging beku bernilai RM461,00 dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Melaka berjaya menumpaskan kegiatan penyeludupan sejumlah 23,080 kilogram daging beku melibatkan nilai termasuk duti cukai kira-kira RM461,600. Pengarah Kastam Melaka, Nadzri Che Ani berkata, rampasan itu membabitkan satu treler membawa kotak berisi daging beku menggunakan kenderaan kargo biasa bagi mengaburi pihak kastam. “Treler itu ditahan oleh sepasukan anggota Bahagian Penguatkuasaan JKDM Melaka pada 27 Februari lepas lebih kurang jam 4.30 petang di stesen minyak di daerah Kluang, Johor.